Apabila anda menerima panggilan, nada telefon dan ikon telefon mengelip akan muncul pada skrin. Jika pemanggil boleh dikenal pasti, nombor telefon pemanggil (atau jika nama tersimpan dalam senarai Kenalan anda) akan dipaparkan.

1. Buka peluncur untuk menjawab panggilan masuk.

Nota

- Untuk menolak panggilan masuk, tekan  atau kekunci lembut kanan dua kali.
- Jika anda tetapkan **Mod jawapan** sebagai **Tekan hantar** (Menu 2.0.4), anda boleh menjawab panggilan itu dengan menekan  selepas membuka peluncur.
- Jika mod jawapan ditetapkan kepada Tekan sebarang kekunci, sebarang kekunci akan menjawab panggilan kecuali bagi .

Fungsi Umum

2. Tamatkan panggilan dengan mematikan telefon atau menekan .

Nota

- ▶ Anda boleh menjawab panggilan semasa menggunakan Kenalan atau ciri menu lain.
- ▶ Apabila telefon yang serasi disambungkan, anda juga boleh menjawab panggilan menggunakan kekunci alat dengar, serta menggunakan telefon. Untuk menolak panggilan masuk, tekan .
- ▶ Anda boleh membisukan nada dering semasa panggilan masuk dengan menekan dan menahan kekunci lembut kanan kelantangan.

Pintasan untuk mengaktifkan mod getaran

Anda boleh mengaktifkan mod getaran dengan menekan dan menahan kekunci  selepas membuka telefon.

Kekuatan isyarat

Anda boleh menyemak kekuatan isyarat anda dengan penanda isyarat pada skrin LCD telefon anda. Kekuatan isyarat boleh berbeza-beza, terutama sekali apabila di dalam bangunan. Bergerak hampir dengan tingkap boleh meningkatkan penerimaan.

Memasukkan teks

Anda boleh memasukkan aksara abjad angka dengan menggunakan pad kekunci telefon.

Sebagai contoh, menyimpan nama dalam Kenalan, menulis mesej, membuat sapaan peribadi atau menjadualkan peristiwa dalam kalendar memerlukan teks dimasukkan.

Menukar mod input teks

1. Apabila anda berada di medan yang membenarkan aksara dimasukkan, anda akan diberitahu bahawa penunjuk mod teks masuk adalah di penjuru atas sebelah kanan skrin LCD.
2. Jika T9 dihidupkan, anda boleh tukar mod kepada T9Abc, T9ABC, 123, T9abc dengan menekan . Apabila T9 dimatikan, mod akan ditukar kepada Abc, ABC, 123, abc.

Menggunakan Mod T9

Mod input teks ramalan T9 membenarkan anda untuk memasukkan perkataan dengan mudah dengan menekan kekunci pada nombor yang minimum. Jika anda menekan setiap kekunci, telefon akan mula memaparkan aksara yang ia fikirkan ditaip oleh anda berdasarkan pada kamus bina-dalam. Apabila huruf baru ditambah, perkataannya akan berubah untuk menggambarkan calon yang paling hampir dari kamusnya.

Menggunakan Mod ABC

Gunakan **2abc** hingga **9mnp** untuk masukkan teks anda.

1. Tekan kekunci yang berlabel dengan huruf yang dikehendaki:
 - ▶ Sekali untuk huruf pertama.
 - ▶ Dua kali untuk huruf yang kedua.
 - ▶ Dan seterusnya.

2. Untuk memasukkan ruang, tekan **0±** sekali. Untuk memadam huruf, tekan **C**.

Rujuk kepada jadual berikut untuk maklumat lanjut mengenai aksara yang tersedia dengan menggunakan kekunci abjad angka.

Kekunci	Aksara dalam paparan tersusun	
	Huruf besar	Huruf kecil
1ao	.,?!"'1-()@/:_	.,?!"'1-()@/:_
2abc	ABC2ÀÄÆÇ	a b c 2 à â æ ç
3def	DEF3ÉÊË	d e f 3 é ê ë
4ghi	GHI4ÎÏ	g h i 4 î ï
5jkl	JKL5	j k l 5
6mno	MNO6ÑÕÖOE	m n o 6 ñ õ ö oe
7pqrs	PQRS7	p q r s 7
8tuv	TUV8Û	t u v 8 û
9mnp	WXYZ9ŴŶ	w x y z 9 ŵ ŷ
0±	Ruang, 0	Ruang, 0

Nota

- ▶ Aksara diperuntukkan pada kekunci dan arahan kemunculannya bergantung pada bahasa yang dipilih menggunakan pilihan Kaedah Input. Jadual di atas menyediakan tetapan aksara untuk Bahasa Inggeris.

Menggunakan Mod 123 (Nombor)

Mod 123 membolehkan anda memasukkan nombor dalam mesej teks (nombor telefon, contohnya). Tekan kekunci yang bersamaan dengan angka yang dikehendaki sebelum beralih semula secara manual kepada mod entri teks.

Gunakan mod simbol

Mod simbol membolehkan anda memasukkan pelbagai simbol atau aksara tertentu. Untuk masukkan simbol, pilih **Pilihan** → **Masukkan** → **Simbol**. Gunakan kekunci navigasi dan nombor untuk memilih simbol yang diinginkan dan tekan kekunci **OK**.

Gambaran keseluruhan Fungsi Menu

Anda boleh melancarkan menu dengan menekan **OK** dalam skrin melahu. Bergerak ke item yang dikehendaki dan tekan **OK** untuk pergi ke dalam sub menu.

Daripada menu utama anda juga boleh pergi ke dalam submenu dengan menekan secara terus kekunci nombor sepadan seperti berikut. Menu utama mengandungi menu teratas dan sub menu yang berikut.

Gambaran keseluruhan Fungsi Menu

1. Permainan & Aplikasi 1.1 Permainan & aplikasi saya 1.2 Tetapan	3. Penyelenggara 3.1 Kalendar 3.2 Tugas 3.3 Memo 3.4 Memo rahsia 3.5 Pencari tarikh 3.6 Tetapan	5. Mesej 5.1 Buat mesej baru 5.2 Peti masuk 5.3 Peti mel 5.4 Draf 5.5 Peti keluar 5.6 Item dihantar 5.7 Folder saya 5.8 Templat 5.9 Emotikon 5.0 Tetapan
2. Memanggil 2.1 Buat panggilan video 2.2 Log panggilan 2.3 Tempoh panggilan 2.4 Jumlah data 2.5 Kos panggilan 2.6 Alihan panggilan 2.7 Sekatan panggilan 2.8 Nombor dail tetap 2.9 Panggilan menunggu 2.0 Tetapan bersama 2.* Tetapan panggilan video	4. Multimedia 4.1 Kamera 4.2 Kamera video 4.3 Muzik 4.4 Perakam suara	

6. Barangan saya
6.1 lmej saya
6.2 Bunyi saya
6.3 Video saya
6.4 Permainan & aplikasi saya
6.5 Lain-lain
6.6 Kad memori saya
7. Yahoo
8. Kenalan
8.1 Tambah baru
8.2 Cari
8.3 Dail cepat
8.4 Kumpulan
8.5 Nombor dail perkhidmatan
8.6 Nombor sendiri
8.7 Kad niaga saya
8.8 Tetapan

9. Alatan
9.1 Menu cepat
9.2 Penggera
9.3 Kalkulator
9.4 Jam randik
9.5 Pengubah
9.6 Masa dunia
9.7 STK(Perkhidmatan USIM)
*. Pelayar
*.1 Rumah
*.2 Masukkan alamat
*.3 Penanda buku
*.4 Pembaca RSS
*.5 Simpan laman
*.6 Sejarah
*.7 Tetapan

0. Sambungan
0.1 Bluetooth
0.2 Server penyelaras
0.3 Mod sambungan USB
#. Tetapan
#.1 Profil
#.2 Telefon
#.3. Skrin
#.4 Tarikh & Masa
#.5 Rangkaian
#.6 Profil Internet
#.7 Titik akses
#.8 Sambungan data paket
#.9 Keselamatan
#.0 Pengurus memori
#.* Tetapan streaming
#.# Reset tetapan

Gambaran keseluruhan Fungsi Menu.

Permainan & Aplikasi [Menu 1]

Permainan & aplikasi saya

Menu 1.1

Anda boleh memuat turun dengan mudah permainan dan aplikasi lain dalam menu ini. Ia mungkin mempunyai dua folder, tiada folder langsung, atau Permainan dan Aplikasi. Folder lalai boleh bergantung pada operator/negara. Setiap folder mempunyai pautan yang dibenamkan untuk memuat turun permainan atau aplikasi. Sila ambil perhatian bahawa bayaran tambahan akan dikenakan apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian. Anda boleh buat folder menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan].

Tetapan

Menu 1.2

- **Profil:** Anda boleh lihat profil dan tambah profil baru.
- **Senarai sijil:** Anda boleh lihat senarai pensijilan untuk menggunakan aplikasi java

Memanggil [Menu 2]

Buat panggilan video

Menu 2.1

Anda boleh membuat panggilan video dalam menu ini. Untuk maklumat lanjut, rujuk halaman 22 dan 23.

Panggilan tak dijawab

(Menu 2.2.4)

Membenarkan anda melihat rekod panggilan yang tidak dijawab, membuat panggilan, menghantar mesej, dan menyimpan nombor dalam Kenalan.

Log panggilan

Menu 2.2

Semua panggilan (Menu 2.2.1)

Membenarkan anda untuk melihat rekod panggilan tidak dijawab, diterima, dan didail. Anda boleh membuat panggilan, atau menghantar mesej pada nombor yang anda pilih daripada rekod. Anda juga boleh menyimpan nombor dalam Kenalan.

Panggilan didail (Menu 2.2.2)

Membenarkan anda melihat rekod panggilan yang didail, membuat panggilan, menghantar mesej, dan menyimpan nombor dalam Kenalan.

Panggilan diterima (Menu 2.2.3)

Membenarkan anda melihat rekod panggilan yang diterima, menghantar mesej, dan menyimpan nombor dalam Kenalan.

Tempoh panggilan Menu 2.3

Anda boleh lihat masa panggilan melalui jenis panggilan. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] untuk pilih samada permulaan separa atau permulaan menyeluruh. Permulaan memerlukan kod Keselamatan anda.

Jumlah data

Menu 2.4

Membenarkan anda menyemak menghantar, dan menerima semua jumlah data yang dipindahkan. Tekan kekunci lembut kiri untuk pilih permulaan menyeluruh, atau permulaan jenis jumlah dipilih.

Permulaan memerlukan kod Keselamatan anda.

Memanggil

Kos panggilan

Menu 2.5

1. Fungsi ini memaparkan kos panggilan Panggilan terakhir dan Semua panggilan.
2. Untuk edit, tekan kekunci tengah [Edit] dan masukkan kod PIN2.
3. Anda boleh memilih samada Unit atau Mata wang dalam Tetapan kos panggilan. Bergantung pada tetapan anda, USIM dan operator, kos panggilan dipaparkan semasa panggilan.
4. Dalam tetapan tatarajah had, pilih Hidup untuk menatarajah had kos. Semasa kos had ditatarajah, dan kos panggilan mencecah had, tidak dibenarkan membuat panggilan.

Alihan panggilan

Menu 2.6

Menu alihan panggilan untuk suara dan panggilan video disediakan.

1. Apabila tiada alihan panggilan wujud

Anda boleh masukkan nombor untuk alihkan panggilan secara terus atau carinya dalam buku telefon. Jika anda tekan [Alih], telefon anda menghantar permintaan kepada pembekal khidmat anda selepas memasukkan nombor. Sementara menunggu keputusan dari rangkaian, Permintaan mesej dan animasi dipaparkan.

2. Apabila alihan panggilan telah ditetapkan

Papar senarai alihan panggilan yang telah ditetapkan. Sementara menunggu keputusan dari rangkaian, Permintaan mesej dan animasi dipaparkan.

3. Menu pilihan

Selepas mengaktifkan menu Semua panggilan suara, pilih menu Pilihan di bawah senarai menu untuk memaparkan senarai menu Nyahaktifkan, Nyahaktifkan semua, Lihat status dan kosongkan senarai.

Menu Lihat status menunjukkan tetapan pada rangkaian. Sekiranya memilih menu ini, Permintaan..... mesej dan animasi muncul. Kemudian tetapan rangkaian akan dipaparkan apabila maklumat diterima daripada rangkaian. Sekiranya memilih menu Nyahaktif, nombor alihan yang didaftarkan dalam rangkaian akan dipadamkan selepas pengguna mengesahkan. Menu Kosongkan senarai akan memadam semua senarai nombor alihan.

Sekatan panggilan Menu 2.7

Menu sekatan panggilan untuk Suara dan panggilan Video disediakan.

Menu mengandungi panggilan Suara, panggilan Video dan Nyahaktifkan semua. Menu Panggilan suara dan Panggilan video mempunyai sub menu yang berikut.

Menu sekatan panggilan terdiri daripada semua Panggilan keluar, Panggilan keluar antarabangsa kecuali negara asal, semua Panggilan masuk dan Panggilan masuk semasa sub menu di luar negara.

Menu Semua panggilan keluar menyekat semua dailan panggilan keluar, menu Panggilan keluar antarabangsa menyekat dailan panggilan keluar antarabangsa, dan menu Panggilan keluar antarabangsa kecuali negara asal menyekat Panggilan keluar antarabangsa kecuali Negara PLMN asal. Semua panggilan masuk menolak semua panggilan masuk dan menu panggilan masuk semasa di luar negara menolak panggilan masuk semasa rayau.

Panggilan suara dan video

1. Jika anda mahu aktifkan perkhidmatan sekatan, tekan ok dan masukkan kata laluan sekatan. Telefon akan meminta rangkaian untuk mengaktifkan perkhidmatan sekatan dan terima keputusan operasi itu. Selepas terima keputusan daripada rangkaian, keputusan akan dipaparkan.

2. Apabila menu Pilihan dipilih, ia mengaktifkan menu Panggilan keluar. Pilih menu Pilihan daripada menu lembut pada menu yang terendah. Kemudian menu Nyahaktif, Nyahaktifkan semua, Lihat status dan Tukar kata laluan kelihatan.. Menu Nyahaktif menyahaktifkan perkhidmatan sekatan selepas pengguna memasukkan Kata laluan sekatan. Menu Nyahaktifkan semua menyahaktifkan semua tatarajah perkhidmatan dalam rangkaian selepas Kata laluan sekatan pengguna dimasukkan.

Menu Lihat status membolehkan pengguna melihat tatarajah rangkaian semasa. Memilih menu Lihat status memaparkan mesej Permintaan dengan animasi dan keputusan operasi semasa rangkaian memberi jawapan. Menu tukar kata laluan membolehkan pengguna menukar kata laluan sekatan semasa.

Nyahaktifkan semua

Anda boleh memilih untuk sama ada menyahaktifkan semua atau tidak.

Memanggil

Nombor dail tetap Menu 2.8

► on

- **Hidup:** Pilih sama ada untuk aktifkan FDN atau tidak. Pengesahan PIN2 diperlukan.
- **MATI:** Pilih sama ada untuk aktifkan FDN atau tidak. Pengesahan PIN2 diperlukan.

- **Senarai FDN:** Memaparkan senarai FDN semasa. Anda boleh edit, tambah, atau padam nombor dailan tetap. Pengesahan PIN2 diperlukan untuk edit, tambah, atau padam senarai. Dan maklumat tatarajah disimpan pada USIM. Maklumat yang disimpan pada USIM digunakan apabila FDN menyekat panggilan keluar.

Panggilan menunggu

Menu 2.9

Aktifkan perkhidmatan menunggu. Dengan memilih item ini, permintaan mesej dan animasi akan dipaparkan. Apabila rangkaian memberi jawapan, hasil operasi dipaparkan.

Tetapan bersama Menu 2.0

Tolak panggilan

Anda boleh tetapkan sama ada untuk menolak panggilan masuk.

Hantar nombor saya

- **Set oleh rangkaian:** Menatarajah dengan tetapan lalai yang ditentukan oleh pembekal khidmat.
- **On:** Menatarajah untuk menghantar nombor telefon saya semasa membuat panggilan keluar.
- **Off:** Menatarajah untuk tidak menghantar nombor telefon saya semasa membuat panggilan keluar.

Dail semula automatik

Membolehkan anda menetapkan fungsi dail semula auto semasa percubaan membuat panggilan gagal.

Mod jawapan

Membolehkan anda menetapkan cara menjawab. Anda boleh pilih antara **Tekan kekunci hantar**, **Luncur atas** dan **Tekan mana-mana kekunci**.

Peringatan minit

Menentukan sama ada untuk membunyikan nada 1 minit setiap 1 minit semasa anda menggunakan telefon.

Mod jawapan BT

- ▶ **Bebas tangan:** Anda boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth, apabila ia disambungkan.
- ▶ **Telefon:** Jika anda menekan  pada telefon bimbit untuk menjawab panggilan, anda boleh bercakap di telefon bimbit. Jika anda menekan kekunci telefon bimbit Bluetooth untuk jawab panggilan, anda boleh bercakap menggunakan alat dengar Bluetooth. Ini adalah pilihan mod jawab permulaan. Semasa bercakap, anda boleh beralih daripada telefon bimbit kepada alat dengar atau daripada alat dengar kepada telefon bimbit.

Simpan nombor baru

Dalam menu ini, anda boleh menyimpan nombor telefon semasa menamatkan panggilan jika nombor telefon belum disimpan dalam buku telefon.

Tetapan tutup slaid

Apabila peluncur turun ke bawah, anda boleh tetapkan sama ada panggilan ditamatkan atau tidak.

Pilih talian (Bergantung pada SIM)

Bergantung kepada disokong atau tidak disokong daripada 2 perkhidmatan talian pada kad SIM anda, anda boleh pilih talian yang anda mahu.

Tetapan panggilan video

Menu 2.*

Anda boleh tetapkan paparan skrin semasa membuat/menerima panggilan video.

- ▶ **Gunakan imej peribadi:** Tentukan sama ada untuk tunjukkan imej peribadi atau tidak.
- ▶ **Pilih imej peribadi:** Pilih imej pegun untuk dipaparkan.
- ▶ **Cermin:** Pilih untuk aktifkan kesan cermin atau tidak.
 - **On:** Paparan imej terbalik dari sebelah ke sebelah.
 - **Off:** Paparkan imej seperti itu.
- ▶ **Saiz imej saya:** Pilih saiz imej saya untuk dipaparkan.
- ▶ **Posisi imej saya:** Pilih posisi di mana imej anda akan dipaparkan.

Penyelenggara [Menu 3]

Kalendar

Menu 3.1

Jadual pertanyaan dan carian

1. Rujukan mengikut Bulan

Anda boleh semak jadual anda mengikut bulan. Apabila anda pilih menu ini, kursor berada pada tarikh semasa.

Jadual yang disimpan untuk tarikh yang mana kursor diletakkan ditunjukkan dengan kotak kelabu.

Tekan kekunci pintasan  menggerakkan kepada tahun sebelum dan tekan  menggerakkan kepada tahun seterusnya dan tekan  menggerakkan kepada hari ini. Tekan  atau  menggerakkan kepada bulan sebelumnya, dan  atau  menggerakkan kepada bulan seterusnya. Anda boleh gerakkan tarikh menggunakan  /  /  (/) .

2. Butiran rujukan

Anda boleh merujuk kepada jadual terperinci, yakni seluruh kandungan jadual yang ditatarajah oleh pengguna.

Tambah peristiwa baru

Anda boleh tambah peristiwa. Anda boleh menatarajah tarikh mula, tarikh tamat, masa mula, masa tamat, kandungan, jenis jadual, pengulangan, penggera jadual.

Padam semua jadual

Anda boleh padam semua kandungan jadual yang disimpan menggunakan fungsi ini.

Tetapkan dan lepaskan hari cuti

Anda boleh menetapkan atau mengeluarkan percutian pengguna. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih Tetapan percutian. Tarikh yang dipilih akan dipaparkan dalam warna merah.

Untuk mengeluarkan percutian, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih Kosongkan percutian.

Jadual pemberitahuan

Jika pengguna menatarajah tetapan penggera, bunyi penggera khusus akan berdering. Jika masa pemberitahuan adalah sebelum masa jadual bermula, anda boleh menetapkan penggera sekali lagi.

Tugasan

Menu 3.2

Anda boleh lihat, edit dan tambah tugasan yang hendak dilakukan. Tugasan dipaparkan pada susunan masa. Tugasan yang telah lengkap atau tidak lengkap akan dipaparkan dalam cara yang berbeza.

Memo

Menu 3.3

Menggunakan fungsi pengurusan memo, anda boleh lihat dan uruskan kandungan memo yang disimpan, dan menambah memo baru.

Memo rahsia

Menu 3.4

Anda boleh tulis memo peribadi untuk melindungi privasi anda. Anda masukkan kod keselamatan untuk menggunakan menu ini.

Pencari tarikh

Menu 3.5

Anda boleh daftar nama dan tarikh seperti hari jadi. Anda boleh semak berapa banyak baki hari yang tinggal sebelum peristiwa berlaku atau berapa banyak hari telah lepas selepas peristiwa itu.

Tetapan

Menu 3.6

Kalendar (Menu 3.6.1)

Anda boleh tetapkan tatarajah untuk paparan kalendar.

- **Paparan asal:** Anda boleh tetapkan nilai lalai untuk memaparkan kalendar; Paparan bulanan, Paparan mingguan
- **Masa mula mingguan:** 1AM, 2AM, 3AM, 4AM, 5AM, 6AM, 7AM, 8AM, 9AM, 10AM, 11AM, 12PM
- **Minggu bermula pada:** Anda boleh tetapkan hari lalai untuk mulakan minggu; Ahad, Isnin

Hantar semua jadual & tugas melalui Bluetooth (Menu 3.6.2)

Anda boleh hantar semua data dalam kalendar anda dan/atau senarai tugas daripada telefon anda kepada telefon lain menggunakan Bluetooth.

Sandarkan kalendar & Tugas

(Menu 3.6.3)

Anda boleh buat fail sandaran bagi kalendar atau entri tugas yang disimpan dalam telefon apabila anda memasukkan memori luaran.

Penyelenggara

Simpan semula kalendar & Tugas (Menu 3.6.4)

Anda boleh menyimpan semula fail sandaran kalendar atau tugas apabila anda memasukkan memori luaran.

Maklumat memori (Menu 3.6.5)

Anda boleh melihat maklumat memori yang tersedia berkenaan Kalendar, Tugas, Memo dan Memo rahsia.

Pdm semua (Menu 3.6.6)

Anda boleh padam semua data berkenaan Kalendar, Tugas, Memo dan Memo rahsia.

Multimedia [Menu 4]

Kamera

Menu 4.1

Aplikasi ini membolehkan anda mengambil gambar pegun. Anda boleh mengambil gambar dalam saiz yang anda mahu, dan menggunakannya dalam foto buku alamat, skrin utama, dan tujuan umum lain. Selepas diambil, gambar boleh dihantar melalui Mesej, E-mel atau Bluetooth.

1. Tekan kekunci lembut kiri untuk mengkases **Pilihan** dan menetapkan persekitaran seperti berikut.
 - Gerak antara menu pilihan dengan $\llcorner$ / $\lrcorner$.
 - Pilih nilai diingini dengan $\overline{\text{▲}}$ / $\overline{\text{▼}}$ dan sahkan pilihan dengan OK .

Menu	Perihalan
Pergi ke	Folder Gambar dilancarkan dan memaparkan gambar terkini sebagai gambar lakaran kenit. Anda boleh melihat gambar dengan menekan OK . Anda juga boleh menghantar gambar terpilih kepada pihak lain melalui Mesej, E-Mel atau Bluetooth.
Saiz	1600x1200, 1280x960, 640x480, 320X240, Kertas hias dinding, 176x144, Kenalan
Kualiti	Sangat halus, Halus, Standard
Tangkapan bert	Satu, Tiga, Enam, Sembilan (Perhatian: Tangkan bertubi yang tersedia bergantung pada saiz.)
Kecerahan	Dari -2.0 ke 2.0 pada selang 0.5. Semakin tinggi tahap, semakin cerah skrin.
Pengimbang Pu	Anda boleh melaraskan ton foto latarbelakang mengikut keadaan cuaca. Auto, Hari Siang, Berawan, Bercahaya, Dalam bangunan
Mod malam	Anda boleh mengambil gambar lebih elok pada waktu malam dengan memilih Hidup.

Multimedia

Menu	Perihalannya:
Gambar berbing	Anda boleh meletakkan satu dari 10 kesan bingkai semasa mengambil gambar. (tersedia hanya dalam kes saiz Kertas hias dinding)
Pemasa	Anda boleh menangguh masa pengatup kamera. Tiada, 3 saat, 5 saat, 10 saat.  ditunjukkan apabila pemasa dinyahaktif.
Kesan	Tiada, Hitam & Putih, Negatif, Sepia
Bunyi	Pilih bunyi pengatup yang dikehendaki.
memori	Pilih memori yang dikehendaki yang digunakan, sama ada guna dalam Telefon Bimbit atau Luaran.
Cermin	Anda boleh mengaktifkan kesan cermin dengan menekan Hidup.
Tukar kam	Anda boleh menukar kamera supaya mengaktifkan sama ada kamera Dalaman atau Luaran.
Pratonton skrin	Pilih kaedah pratonton yang dikehendaki, sama ada Imej penuh atau Skrin penuh.

2. Selepas selesai semua tetapan, tekan kekunci lembut kanan [Tutup].
3. Fokuskan kamera kepada apa yang anda hendak ditangkap dan tekan .
4. Tekan  untuk menyimpan gambar. Ia disimpan dalam folder Gambar dalam Fail Saya.

Nota

- Tekan kekunci lembut kanan [Kembali] untuk kembali ke mod pratonton tanpa menyimpan gambar.

Kamera video

Menu 4.2

Aplikasi ini membolehkan anda merakam klip video. Anda boleh mainkan dan melihat fail video disimpan di dalam menu ini. Sebaik sahaja direkod, klip video boleh dihantar melalui Mesej, E-Mel atau Bluetooth.

1. Tekan kekunci lembut kiri untuk mengkases Pilihan dan menetap persekitaran seperti berikut.

- Gerak antara menu pilihan dengan $\leftarrow$ ($\rightarrow$).
- Pilih nilai diingini dengan $\overline{\text{OK}}$ / $\underline{\text{OK}}$ dan sahkan pilihan dengan OK .

Menu	Perihalan
Pergi ke	Folder Video dilancarkan dan memaparkan video terkini sebagai gambar lakaran kenit. Anda boleh melihat video dengan menekan OK . Anda juga boleh menghantar video terpilih kepada pihak lain melalui Mesej, E-Mel atau Bluetooth.
Saiz	176x144 128x96
Kualiti	Sangat halus, Halus, Standard
Kecerahan	Dari -2.0 ke 2.0 pada selang 0.5. Semakin tinggi tahap, semakin cerah skrin.
Pengimbang Pu	Anda boleh melaras ton video latarbelakang mengikut keadaan cuaca. Auto, Hari Siang, Berawan, Bercahaya, Dalam bangunan

Menu	Perihalan
Mod malam	Anda boleh mengambil gambar lebih elok pada waktu malam dengan memilih Hidup.
Kesan	Tiada, Hitam & Putih, Negatif, Sepia
Tempoh	Pilih masa rekod yang diingini. MMS, 30 saat, 1 min, 2 min, 5 min, 60 min.
Memori	Pilih memori yang diingini, sama ada Telefon bimbit atau Luaran.
Cermin	Anda boleh mengaktifkan kesan cermin dengan menekan Hidup .
Suara	Tentukan sama ada hendak merakam bunyi atau tidak.
Tukar kamera	Anda boleh menukar kamera supaya mengaktifkan sama ada Dalaman atau Luaran.

Multimedia

2. Selepas selesai semua tetapan, tekan kekunci lembut kanan [Tutup].
3. Fokus pada kamera apa yang hendak direkod dan tekan **[OK]** mulakan merekod. Dan tekan **[OK]** untuk berhenti merekod.
 - Anda boleh menjedakan rakaman dengan menekan kekunci lembut kiri [Jeda].
4. Tekan **[OK]** untuk menyimpan klip video. Ia disimpan dalam folder Video dalam Fail Saya.

Nota

- Tekan kekunci lembut kanan [Kembali] untuk pergi kembali ke mod pratonton tanpa menyimpan klip video.

Muzik

Menu 4.3

Baru Dimainkan (Menu 4.3.1)

Anda boleh memainkan semula muzik yang anda dengar baru-baru ini dalam "Muzik Saya".

Semua trek (Menu 4.3.2)

Anda boleh melihat keseluruhan fail muzik yang di simpan dalam telefon/memori luaran.

Artis (Menu 4.3.3)

Anda boleh melihat dan memainkan muzik yang disusun mengikut Artis.

Album (Menu 4.3.4)

Anda boleh melihat dan memainkan muzik yang disusun mengikut Album.

Genre (Menu 4.3.5)

Anda boleh melihat dan memainkan muzik yang disusun mengikut Genre.

Senarai main (Menu 4.3.6)

Anda boleh mencipta senarai main sendiri dengan memilih trek dari senarai menu Semua trek.

Susun semula trek (Menu 4.3.7)

Jika anda hendak memainkan muzik secara berterusan dan secara rawak, pilih pilihan ini.

Perakam suara

Menu 4.4

1. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] untuk paparkan menu pilihan muncul naik sebelum merakam.
2. Alihkan item menu yang dikehendaki menggunakan $\overline{\wedge}$ / $\overline{\vee}$ dan tekan OK .
 - ▶ **Tempoh:** Anda boleh tetapkan tempoh rakaman pada saiz mesej Multimedia, 30 saat, atau 1 minit.
 - ▶ **Kualiti:** Anda boleh pilih untuk merakamkan kualiti daripada Sangat Halus, Halus, Biasa.
 - ▶ **Memori digunakan:** Pilih sama ada mahu menyimpan rakaman suara ke memori Telefon Bimbit atau ke memori Luaran.
 - ▶ **Pergi ke bunyi saya:** Buka folder perakaman Suara dalam Bunyi.
3. Menekan OK mula perakaman. Apabila rakaman bermula, masa rakaman muncul di LCD. Untuk membatalkan perakaman, tekan Kembali.
4. Apabila anda selesai merakam, tekan OK untuk keluar. Fail yang direkod disimpan secara automatik dalam folder rakaman Suara di Fail Saya. Jika anda tekan OK sekali lagi, anda boleh mula merakam suara baru.
5. Tekan kekunci lembut kiri untuk memilih pelbagai pilihan selepas rakaman suara.
6. Pilih menu yang dikehendaki menggunakan $\overline{\wedge}$ / $\overline{\vee}$ dan tekan OK .
 - ▶ **Main:** Anda boleh memainkan suara.
 - ▶ **Hantar:** Untuk menghantar fail yang di rakam, pilih satu daripada Mesej, E-mel dan Bluetooth menggunakan $\overline{\wedge}$ / $\overline{\vee}$ dan tekan OK .
 - ▶ **Fail:** Anda boleh menukar nama fail dan lihat maklumat fail.
 - ▶ **Padam:** Pilih menu ini untuk memadamkan fail yang dirakam.
 - ▶ **Pergi ke bunyi saya:** Buka folder rakaman suara dalam Fail Saya.
7. Tekan kekunci lembut kanan untuk tutup tettingkap muncul naik sub-menu.

Mesej [Menu 5]

Buat mesej baru

Menu 5.1

Mesej (Menu 5.1.1)

Anda boleh menulis dan mengedit mesej yang mengandungi kombinasi teks, imej, video dan audio.

1. Masukkan mesej anda dalam medan Mesej.

Menu Pilihan dalam medan Mesej.

- **Masukkan:** Anda boleh menjalankan arahan berikut:

1. **Imej:** Anda boleh masukan imej. (Imej sedia ada/Ambil gambar)
2. **Video:** Anda boleh masukan klip video. (Satu klip video setiap slaid)
3. **Bunyi:** Anda boleh memasukkan fail bunyi. (Satu bunyi setiap slaid)
4. **Simbol:** Anda boleh memasukkan simbol. Selepas memasukkan kekunci yang berpadanan, tekan **OK**.
5. **Templat:** Anda boleh memasukkan templat teks yang disimpan dalam telefon. Selepas memilih templat, tekan **OK**. Templat yang dipilih dimasukkan ke dalam tettingkap Mesej.
6. **Emotikon:** Anda boleh memasukkan emotikon semasa menulis mesej.

7. **Nama & Nombor:** Selepas mencari nama dan nombor dalam buku telefon, anda boleh memasukkan entri.

8. **Slaid baru:** Tekan ini untuk menambah slaid baru.

9. **Subjek:** Pilih ini untuk memasukkan subjek.

0. **Lagi:** Pilih ini untuk menambah Kad perniagaan, Jadual, Memo, Tugas, dan Kad Perniagaan Saya.

- **Simpan ke draf:** Pilih ini untuk menyimpan mesej dalam Draf.

- **Cara masukkan:** Pilih mod kamus yang diinginkan.

- **Bahasa penulisan:** Anda boleh memilih bahasa untuk menulis mesej.

- **Tambah kepada kamus:** Anda boleh menambah perkataan ke dalam kamus.

2. Tekan kekunci lembut kanan [Belakang] untuk keluar menu atau pergi ke menu sebelumnya selepas menetapkan submenu.

3. Tekan kekunci tengah [Hantar] untuk memasukkan alamat penerima. Selepas mengisi sekurang-kurangnya satu medan penerima, tekan kekunci pengesahan [Hantar] untuk menghantar mesej. Mesej akan disimpan secara automatik dalam folder Item Yang Dihantar. Jika mesej tidak dihantar, ia akan kekal dalam Peti keluar dengan status gagal.

E-mel (Menu 5.1.2)

Untuk menghantar/menerima E-mel, anda hendaklah menyediakan akaun E-mel.

1. Masukkan alamat E-Mel bagi penerima dalam medan Kepada, Sk, Skt. Anda boleh mencari dalam Kenalan dengan menekan **OK**.

Nota

- ▶ Masukkan alamat E-mel rujukan untuk mengirim lanjut e-mel dalam medan Cc(Salinan Kepada).
- ▶ Masukkan alamat E-mel rujukan tersembunyi untuk mengirim lanjut e-mel tanpa maklumat kirim lanjut dalam medan Bcc(Salinan Kepada Tersembunyi).
- ▶ Hanya Alamat e-mel yang sah akan dibenarkan untuk medan penerima (Kepada), alamat rujukan (Cc), dan alamat rujukan tersembunyi (BCC). Apabila Alamat e-mel telah ditentukan, medan lain akan muncul untuk anda tentukan alamat e-mel yang lain. Anda boleh menentukan sehingga 20 penerima untuk Kepada dan medan alamat CC dan 10 penerima untuk medan alamat BCC.

2. Gerakkan kursor ke medan Subjek dan masukkan subjek.
3. Anda boleh masukkan kandungan mesej dengan menggerakkan kursor ke medan Mesej.

4. Gunakan fungsi berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- ▶ **Masukkan:** MemilihPilih menu ini untuk masukkan aksara istimewa, templat, dan kenalan. Ia juga boleh dilampirkan fail multimedia (gambar, video, dan bunyi).
 - ▶ **Cari kenalan:** Pilih menu ini untuk memasukkan alamat E-mel disimpan dalam Kenalan. (Hanya ditunjukkan dalam menu Pilihan apabila kursor diletak dalam medan Kepada/Sk/Skt.)
 - ▶ **Baru digunakan:** Anda boleh menggunakan alamat E-mel terkini yang anda hantar.
 - ▶ **Simpan ke draf:** Memilih menu ini untuk menyimpan mesej dalam Draf.
 - ▶ **Lihat lampiran:** Menunjukkan fail yang dilampirkan. (Item ini hanya tersedia apabila beberapa fail telah dilampirkan.)
 - ▶ **Keluarkan:** Padam fail yang dilampirkan. (Item ini hanya tersedia apabila fail sudah dilampirkan.)
 - ▶ **Cara masukkan:** Pilih mod kamus yang diingini.
 - ▶ **Tambah kepada kamus:** Anda boleh menambah perkataan ke dalam kamus.
 - ▶ **Bahasa penulisan:** Anda boleh menukar bahasa penulisan.
 - ▶ **Set keutamaan mel:** Anda boleh menetapkan keutamaan bagi E-mel yang ingin anda hantar.
5. Apabila anda selesai menulis E-mel, tekan **OK** untuk menghantar E-mel.

Mesej

Peti masuk

Menu 5.2

1. Anda boleh melihat mesej yang diterima. Pilih satu mesej dan tekan **OK** untuk melihat mesej.
2. Anda boleh melihat mesej sebelum atau selepasnya dengan menggunakan **◀** (**/**) **▶**.
3. Untuk melihat mesej multimedia (Pemberitahuan), pilih Ambil semula dalam paparan skrin pemberitahuan mesej. Kemudian fail akan dihantar, dan anda boleh melihat fail apabila penghantaran selesai.

Nota

Tidak di sokong untuk mesej multimedia (Pemberitahuan) dan mesej tolak WAP

Peti mel

Menu 5.3

1. Pilih akaun e-mel dan tekan **OK** untuk melihat senarai E-mel yang diterima..
 2. Dalam senarai E-mel, anda boleh gunakan fungsi berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].
- ▶ **Balasan:** Membuat jawapan untuk mesej terpilih.

- ▶ **Majukan:** Memajukan e-mel yang dipilih kepada orang lain
- ▶ **Dapat Semula (POP3 sahaja):** Ambil semula mesej E-mel baru.
- ▶ **Salin ke (IMAP sahaja):** Salinan ke e-mel yang di pilih.
- ▶ **Carian:** Mencari E-mel yang hendak anda cari.
- ▶ **Padam:** Memadam E-mel.
- ▶ **Padam daripada pelayan (POP3 sahaja):** Memadam mesej atau E-mel daripada pelayan.
- ▶ **Penyegerakkan mesej (IMAP sahaja):** Menyegerak E-mel untuk mendapat semula pelayan E-mel.
- ▶ **Membuat mesej baru:** Membuat Mesej, E-mel atau Mesej Suara.
- ▶ **Tanda/Buang tanda:** Gunakan pilihan tanda/buang tanda untuk pemadaman berbilang.
- ▶ **Tetapkan sebagai dibaca/belum dibaca:** Anda boleh menetapkan E-mel yang dipilih sebagai sudah atau belum dibaca.
- ▶ **Disusun mengikut:** Anda boleh mengusun E-mel mengikut keadaan.
- ▶ **Padam (IMAP sahaja):** Mengeluarkan data E-mel yang dipilih.
- ▶ **Info mesej:** Informasi pendek tentang mesej termasuk saiz, jenis, tarikh dan nama fail.

Draf

Menu 5.4

Anda boleh melihat mesej yang disimpan. Pilih satu mesej dan tekan **OK** untuk mengedit mesej.

Anda boleh gunakan fungsi berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- ▶ **Hantar:** Hantar mesej yang dipilih.
- ▶ **Panggil:** Anda boleh membuat panggilan suara atau panggilan video.
- ▶ **Padam:** Memadam mesej yang dipilih.
- ▶ **Buat mesej baru:** Anda boleh menulis mesej baru atau E-mel.
- ▶ **Tanda/Tak tanda:** Anda boleh pilih satu atau lebih mesej untuk membuat berbilang pemadaman.
- ▶ **Penapis:** Memaparkan mesej mengikut jenis mesej yang diingini.
- ▶ **Maklumat mesej.:** Anda boleh memeriksa jenis mesej, tarikh dan masa.

[Untuk menghantar / menunggu mesej]

- ▶ **Batal penghantaran:** Anda boleh menghentikan status menghantar/ menunggu.
- ▶ **Membuat mesej baru:** Anda boleh menulis mesej baru atau E-mel.
- ▶ **Maklumat Mesej.:** Maklumat mesej: Anda boleh memeriksa jenis, masa saiz mesej dan di mana ia disimpan.

[Untuk mesej yang gagal]

- ▶ **Hantar Semula:** Menghantar semula mesej yang terpilih.
- ▶ **Simpan pada draf:** Anda boleh menghantar mesej pada draf.
- ▶ **Padam:** Memadam mesej semasa.
- ▶ **Buat mesej baru:** Anda boleh menulis mesej baru atau E-mel.
- ▶ **Maklumat mesej.:** Anda boleh memeriksa jenis mesej, tarikh dan masa.

Peti keluar

Menu 5.5

Peti keluar adalah simpanan sementara bagi mesej yang sedang menunggu untuk dihantar. Mesej gagal juga diletak dalam Peti keluar. Sebagai contoh, E-mel akan diletakkan dalam Peti keluar jika akaun E-mel tidak ditatarajah dengan betul.

1. Pilih mesej.
2. Anda boleh gunakan fungsi berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

Mesej

Item Yang Dihantar Menu 5.6

Menunjukkan mesej yang anda hantar (Mesej/E-mel).

[Pilihan]

- ▶ **Balas:** Membuat balasan kepada penghantar atau semua penerima mesej yang dipilih.
- ▶ **Lanjutkan:** Mengirim lanjut mesej yang dipilih.
- ▶ **Panggil:** Anda boleh membuat panggilan suara atau panggilan video.
- ▶ **Padam:** Memadam mesej yang dipilih.
- ▶ **Edit:** Anda boleh mengedit mesej yang terpilih.
- ▶ **Membuat mesej baru:** Anda boleh menulis mesej baru.
- ▶ **Tanda/Buang tanda:** Anda boleh pilih satu atau lebih mesej untuk membuat berbilang pemadaman.
- ▶ **Salin&Alihkan:** Dalam kes SMS, anda boleh menyalin mesej ke dalam USIM atau alihkan mesej ke dalam folder saya/USIM
- ▶ **Tapis:** Memaparkan mesej mengikut jenis mesej yang diingini.
- ▶ **Maklumat mesej:** Anda boleh memeriksa jenis mesej, tarikh dan masa.

Folder saya

Menu 5.7

Anda boleh memindahkan mesej yang sedia ada dalam Peti Masuk ke Folder Saya, dan kemudian anda boleh memindahkan mesej yang sedia ada dalam Folder saya ke kotak mesej asal.

Templat

Menu 5.8

Templat teks (Menu 5.8.1)

Anda boleh menambah, mengedit, dan memadam frasa berguna yang kerap ditulis dengan kekunci lembut kiri [Pilihan].

Nota

Bergantung kepada pembekal perkhidmatan, frasa berguna disimpan sebagai tetapan lalai.

Templat multimedia

(Menu 5.8.2)

Anda boleh membuat, edit dan lihat templat sedia ada apabila membuat mesej multimedia. Lima jenis templat (Harijadi, Alu-aluan, Percutian, Terima Kasih, Maaf) di simpan secara lalai.

Emotikon

Menu 5.9

Anda boleh menambah, mengedit dan memadam emotikon. Anda boleh memasukkan emotikon yang anda hendak semasa menulis mesej. Jika anda menekan kekunci pengesahan, anda boleh melihat ikonnya.

Tetapan

Menu 5.0

Mesej teks (Menu 5.0.1)

Anda boleh menatarajah mesej teks pilihan berkaitan.

1. **Pusat mesej teks:** Masukkan alamat bagi pusat mesej Teks.
2. **Laporan Penghantaran:** Dengan menayakan pilihan ini, anda boleh mengesahkan sama ada mesej anda berjaya dihantar.
3. **Tempoh sah:** Perkhidmatan rangkaian ini membolehkan anda menetapkan berapa lama mesej multimedia anda disimpan di pusat mesej.
4. **Jenis mesej:** Teks, Suara, Faks, X.400, E-mel
Biasanya, jenis mesej ditetapkan pada Teks. Anda boleh menukar teks anda ke format alternatif. Hubungi pembekal khidmat anda untuk ketersediaan khidmat ini.
5. **Pengkodan Aksara:** Auto/ Huruf lalai/ Unikod.

► **Auto:** Mesej dengan aksara satu bit biasanya dikodkan dalam Huruf lalai (GSM7). Mesej dengan aksara dwi-bit dikodkan secara automatik dalam unikod (UCS2).

► **Huruf lalai (lalai):** Mesej dengan aksara dwi-bit genap dikodkan dalam satu bit. Ingat bahawa aksara dwi-bit dengan aksen mungkin akan ditukar kepada aksara satu bit tanpa aksen.

► **Unikod:** Mesej dikodkan dalam dwi-bit. Ingat bahawa anda mungkin dicaj dua kali ganda.

6. **Hantar teks panjang sebagai:** Pilih teks mesej panjang sebagai Berbilang SMS atau MMS.

Mesej multimedia (Menu 5.0.2)

Anda boleh menatarajah Mesej multimedia berkaitan pilihan.

1. **Mod penerimaan:** Anda boleh menetapkan mod pengambilan semula masing-masing menggunakan rangkaian Rumah dan rangkaian Perayauan. Jika anda memilih **Automatik**, anda akan menerima mesej multimedia secara automatik. Jika anda memilih **Manual**, anda akan hanya menerima mesej pemberitahuan dalam peti masuk dan kemudian anda tentukan sama ada hendak memuat turun mesej multimedia.

Mesej

2. **Laporan Penghantaran:** Membolehkan anda menentukan sama ada ingin meminta pengesahan penghantaran mel ke penerima, atau untuk membenarkan penghantaran pengesahan mel kepada penghantar.
- ▶ **Minta laporan:** Menentukan sama ada untuk meminta pengesahan mel yang dihantar bagi Mesej multimedia.
- ▶ **Benarkan laporan:** Menentukan sama ada untuk membenarkan menghantar pengesahan mel untuk permintaan penghantaran pengesahan mel.
3. **Balasan baca:** Membolehkan anda menentukan sama ada ingin meminta pengesahan pembacaan mel ke penerima, atau untuk membenarkan penghantaran pengesahan pembacaan mel kepada penghantar.
- ▶ **Minta balas:** Menentukan sama ada untuk meminta pengesahan mel yang telah dibaca bagi mesej Multimedia.
- ▶ **Benarkan balasan:** Menentukan sama ada untuk membenarkan menghantar pengesahan mel untuk permintaan penghantaran pengesahan mel.
4. **Keutamaan:** Anda boleh memilih tahap keutamaan mesej (Rendah, Normal dan Tinggi).
5. **Tempoh sah:** Membenarkan anda menatarajah istilah sah bagi mesej apabila menghantar mesej multimedia. Mesej tersebut akan disimpan di dalam pelayan mesej multimedia untuk istilah yang ditatarajah sahaja.
6. **Tempoh slaid:** Membolehkannya menatarajah tempoh masa bagi setiap halaman semasa menulis mesej.
7. **Masa penghantaran:** Tatarajah masa penghantaran mesej kepada penerima. Pusat mesej multimedia akan menghantar mesej selepas masa penghantaran.
8. **Pusat mesej multimedia:** Membolehkan anda menatarajah maklumat rangkaian seperti get laluan MMSC dan WAP, untuk menghantar mesej multimedia.

E-mel (Menu 5.0.3)

Anda boleh menatarajah tetapan untuk menerima dan menghantar e-mel.

1. **Akaun e-mel:** Anda boleh cipta atau menatarajah akaun e-mel termasuklah pelayan e-mel dan ID pengguna.
2. **Benarkan e-mel balas:** Menentukan sama ada untuk membenarkan penghantaran mel pengesahan pembacaan untuk permintaan mel pengesahan pembacaan.
3. **Minta e-mel balas:** Menentukan sama ada untuk meminta mel pengesahan pembacaan.
4. **Ambil semula selang:** Anda boleh menkonfigurasi Dapatkan selang untuk mengambil E-mel secara automatik dari pelayan mel masuk. Sila pastikan bahawa bayaran tambahan akan dikenakan apabila menggunakan ciri-ciri Auto dapatkan kembali.
5. **Masukkan mesej dalam Ke hadapan & Balas:** Menentukan sama ada untuk memasukkan mesej asal apabila anda mengirim lanjut mesej atau untuk membalasnya.
6. **Masukkan lampiran:** Menentukan sama ada untuk menyertakan fail lampiran apabila anda mengirim semula mesej kepadanya.

7. **Pengambilan Semula Automatik dalam**

Perayauan: Mendapatkan Akaun e-mel secara automatik apabila anda bergerak di kawasan perayauan.

8. **Pemberitahuan e-mel baru:** Menerima maklumat pemberitahuan apabila menerima E-mel baru.
9. **Tandatangan:** Anda boleh menatarajah tandatangan teks yang dilampirkan pada akhir e-mel. Tatarajah tandatangan teks adalah dilampirkan secara automatik atau manual di akhir e-mel apabila dihantar.
10. **Keutamaan:** Anda boleh pilih tahap keutamaan mesej (Rendah, Normal and Tinggi).

Mel video (Menu 5.0.4)

Anda boleh menghantar atau menerima mel dengan fail video.

Mel suara (Menu 5.0.5)

Anda boleh menghantar atau menerima mel dengan fail suara.

Mesej

Mesej perkhidmatan (Menu 5.0.6)

Anda boleh menatarajah tetapan pilihan seperti mesej Tolak (SI/SL).

- ▶ **Mesej perkhidmatan:** Jika anda tetapkan Hidup, semua mesej perkhidmatan akan diterima.
- ▶ **Keselamatan perkhidmatan:** Anda boleh memanipulasi pilihan penerimaan keseluruhan berkaitan dengan mesej Tolak (SI/SL).

Maklumat perkhidmatan

(Menu 5.0.7)

- ▶ **Siaran sel:** Anda boleh menetapkan status penerimaan.
- ▶ **Saluran:** Anda boleh menambah atau mengubah saluran.
- ▶ **Bahasa:** Anda boleh memilih bahasa yang anda hendak dengan menekan . Kemudian, mesej perkhidmatan akan ditunjukkan dalam bahasa yang telah anda pilih.

Barangan saya [Menu 6]

Imej saya

Menu 6.1

Folder Gambar mengandungi pautan terbenam untuk memuat turun gambar melalui Internet dan imej lalai.

Gambar diambil menggunakan kamera disimpan dalam folder Gambar dan anda boleh cipta folder baru untuk menguruskan gambar.

Apabila fail dipilih, pilihan tersebut akan dipaparkan dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- ▶ **Hantar:** Anda boleh menghantar imej yang dipilih melalui Mesej, E-mel atau Bluetooth.
- ▶ **Gunakan sebagai**
 - **Wallpaper:** Anda boleh menetapkan imej sebagai tema skrin laman utama.
 - **Imej kenalan:** Peruntukkan gambar pada kenalan. Anda dapat melihat gambar ini apabila ia memanggil atau mendailnya.
 - **Permulaan:** Anda boleh menetapkan imej sebagai permulaan tema skrin.
 - **Matikan:** Anda boleh menetapkan imej sebagai imej tutup .
- ▶ **Pindah:** Membolehkan fail dipindahkan ke folder lain.
- ▶ **Salin:** Salin fail ke folder yang lain.
- ▶ **Padam:** Memadam imej terpilih.

- ▶ **Tanda/Tak tanda:** Menggunakan fungsi Tanda, anda boleh menghantar, memadam, mengalihkan dan menyalin pelbagai fail.

▶ Fail

- **Menamakan semula:** Anda boleh menamakan semula imej.
- **Edit:** Membolehkan imej diedit.

Nota

- ▶ Menu edit tidak dipaparkan dalam folder imej lalai.

- **Maklumat fail:** Menunjukkan maklumat fail imej yang dipilih.

- ▶ **Cipta folder baru:** Anda boleh membuat folder baru dalam folder pilihan semasa.
- ▶ **Persembahan slaid:** Anda boleh melihat imej sebagai persembahan slaid.
- ▶ **Susun mengikut:** Anda boleh menyusun fail menerusi Tarikh, Jenis atau Nama.
- ▶ **Paparan Senarai/Paparan Grid:** Anda boleh melihat imej sebagai melihat Senarai atau melihat Grid.
- ▶ **Pengurus memori:** Anda boleh melihat status memori(Telefon bimbit atau Kad memori luar).

Barangan saya

Bunyi saya

Menu 6.2

Folder Bunyi mengandungi pautan terbenam untuk memuat turun nada dering dan muzik seperti folder mengandungi bunyi Lalai dan rakaman Suara. Disini anda boleh uruskan, hantar atau tetapkan bunyi sebagai nada dering. Apabila fail dipilih, pilihan tersebut akan dipaparkan dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

- ▶ **Hantar:** Anda boleh menghantar imej yang dipilih melalui Mesej, E-mel atau Bluetooth.
- ▶ **Gunakan sebagai**
 - **Nada dering suara:** Anda boleh menetapkan fail bunyi sebagai nada dering untuk panggilan masuk.
 - **Nada dering video:** Anda boleh menetapkan fail bunyi sebagai nada dering untuk panggilan video masuk.
 - **Nada mesej:** Anda boleh menetapkan fail bunyi sebagai amaran mesej baru.
 - **Permulaan:** Anda boleh menetapkan fail bunyi sebagai nada permulaan anda.
 - **Matikan:** Anda boleh menetapkan fail bunyi sebagai nada tutup anda.
- ▶ **Maklumat fail:** Menunjukkan maklumat fail bunyi yang dipilih.
- ▶ **Susun mengikut:** Anda boleh menyusun fail menerusi tarikh, jenis atau nama.

- ▶ **Pengurus memori:** Anda boleh melihat status memori (Telefon bimbit atau Kad memori luar).

Video saya

Menu 6.3

Di sini anda boleh mengendalikan atau menghantar klip video yang dimuat turun atau ditangkap.

Jika anda tekan , anda boleh mengaktifkan fail video.

Yang berikut adalah tersedia dengan menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan] dalam senarai Video.

- ▶ **Hantar:** Anda boleh menghantar klip video yang dipilih melalui Mesej, E-mel atau Bluetooth.
- ▶ **Guna sebagai:** Anda boleh menetapkan fail video sebagai nada dering suara atau nada dering video.
- ▶ **Pindah:** Pindahkan fail kepada memori telefon bimbit atau memori luar.
- ▶ **Salin:** Salin fail di memori telefon bimbit atau memori luar.
- ▶ **Padam:** Memadam video terpilih.
- ▶ **Tanda/Tak tanda:** Dengan menggunakan fungsi Tanda, anda boleh menghantar, memadam, mengalihkan dan menyalin pelbagai fail.

► Fail

- **Menamakan semula:** Anda boleh menamakan semula video.
- **Maklumat fail:** Menunjukkan maklumat fail imej yang dipilih.
- **Cipta folder baru:** Anda boleh cipta folder baru.
- **Susun mengikut:** Anda boleh menyusun fail mengikut nama, tarikh, atau jenis fail.
- **Paparan Senarai/Paparan Grid:** Anda boleh melihat imej sebagai Paparan Senarai atau Paparan Grid.
- **Pengurus memori:** Paparkan status memori (Telefon bimbit atau Kad memori luar).

Anda boleh lihat video menggunakan pemain video. Fail video dimainkan dalam senarai lakaran kenit. Anda boleh memilih video yang dikehendaki dengan menggunakan  /  /  (/) . Pilih video yang diinginkan dan pilih Main untuk melihat rakaman video.

- **Pameran Landskap:** Anda boleh melihat video dalam mod melihat luas.

Nota

- Anda juga boleh lihat dalam mod paparan luas dengan menekan .

- **Bisu/ Nyahbisu:** Hidupkan/ matikan bunyi.
- **Tangkap:** Anda boleh menyimpan apa yang di skrin jeda seperti fail imej (hanya mungkin pada mod Jeda).
- **Ulang:** Anda boleh menetapkan pilihan ulangan (Mati/Satu/Semua).
- **Maklumat fail:** Anda boleh menyemak maklumat pada fail yang sedang dimainkan.
- **Hantar:** Anda boleh menghantar video yang dipilih melalui Mesej, E-mel atau Bluetooth.
- **Padam:** Memadam video terpilih.
- **Gunakan sebagai:** Anda boleh menetapkan fail video sebagai nada dering suara atau nada dering video. Menu ini akan bertukar dan bergantung pada jenis fail yang dipilih.

Barangan saya

Permainan & aplikasi saya

Menu 6.4

